

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 27 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L22810

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah rancangan Kementerian berkenaan dengan syarikat UAE, Masdar, yang telah menandatangani pelan pelaksanaan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) untuk pembangunan sehingga 10 GW projek tenaga boleh diperbaharui (TBB) di Malaysia. Pihak manakah yang akan off take TBB ini.

2. PR-1531-L24080

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengkaji semula struktur percuakan semasa dengan mengambil kira keperluan perubahan ekonomi semasa.

3. PR-1531-L(5)00229

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan senarai inventori sungai, kolam, parit dan longkang bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran yang di dalam kawasan Parliment Bangi, bersama dengan butiran seperti lokasi, panjang dan lebar.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

4. PR-1531-L24050

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah terdapat perancangan membuka taman asuhan kanak-kanak di bangunan Kerajaan terutama di Kepala Batas.

5. PR-1531-L23681

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini projek rintis pelaksanaan agensi tunggal sempadan negara (SBA) bagi mengawal selia 141 pintu masuk negara dan bilakah sasaran tarikh agensi baru ini dijangka mula beroperasi.

6. PR-1531-L22726

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima dan berapa peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian melalui Sumbangan Asas Rahmah (SARa).

7. PR-1531-L23640

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memperkasa pembelajaran secara digital dengan akses percuma dan terbuka sebagai persiapan menghadapi ledakan ilmu pengetahuan secara maya yang dapat dipimpin supaya manfaat maksimum dapat dicapai.

8. PR-1531-L23801

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha penambahbaikan Kementerian untuk memperkasakan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan di seluruh negara serta menggalakkan penyertaan golongan muda dalam aktiviti kesukarelawanan di Rukun Tetangga.

9. PR-1531-L22765

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan keberkesanan inisiatif Program Pembangunan Pembekal Bumiputera (Bumiputera Vendor Development Programme) dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan bahawa proses tender Kerajaan dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama.

10. PR-1531-L24193

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti kadar keciciran murid terutama dalam kalangan pelajar miskin bandar, luar bandar dan pinggir bandar, kanak-kanak Orang Asli dan tidak berdokumen, serta apakah strategi dan usaha pembaharuan Kementerian untuk mengurangkan jurang pendidikan termasuk dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran.

11. PR-1531-L23809

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif penting yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam agenda KPT 2024.

12. PR-1531-L24355

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penyelesaian isu penduduk Bagan Serai dengan JKP yang sudah berlanjutan selama lebih 10 tahun dan apakah tindakan Kerajaan terhadap isu salah laku dalam kes ini dan penyelesaian isu pampasan terhadap penduduk.

13. PR-1531-L23650

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) perkembangan terkini operasi membabitkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI); dan
- (b) langkah tegas yang diambil membabitkan kesalahan dan jenayah yang melibatkan PATI .

14. PR-1531-L23005

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah cadangan atau mekanisme Kementerian dalam memastikan pertukaran guru-guru antara negeri dibuat mengikut sistem merit atau penilaian prestasi sebelum permohonan pertukaran guru diluluskan.

15. PR-1531-L22865

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak Kementerian untuk membina sebuah lagi universiti awam dan universiti swasta di tapak hub pendidikan Sandakan.

16. PR-1531-L23392

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuat rombakan semula pada semua sukanan pelajaran dan pentaksiran dalam semua peringkat pendidikan sekolah selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan.

17. PR-1531-L24180

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan berapakah jumlah kapasiti bekalan air terawat di kawasan Parlimen Julau, jumlah permintaan terkini dan semasa untuk permintaan bekalan air terawat serta adakah terdapat perancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi kapasiti loji rawatan air di Julau.

18. PR-1531-L23866

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan kajian universiti dipilih menjadi projek-projek Kerajaan susulan dapatan kajian baru-baru ini mendapati kira-kira 9,200 kertas penyelidikan universiti khususnya dalam bidang sains dan teknologi hanya tersadai di peringkat jurnal.

19. PR-1531-L23760

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria untuk mendapatkan cawangan bank seperti BSN atau Agro Bank di Tatau, Bintulu.

20. PR-1531-L24212

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan polisi dan dasar baharu berkenaan hutan simpan memandangkan empat prosedur berkaitan perlombongan unsur nadir bumi (REE) telah diperkenalkan.

21. PR-1531-L22728

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang dipertimbangkan Kementerian untuk meningkatkan pembelian bagi program pendidikan khas dan meningkatkan sistem sokongan kebajikan untuk guru yang bekerja dalam pendidikan khas, dalam memastikan kedua-dua pelajar dan pendidik mendapat sumber dan sokongan yang diperlukan untuk persekitaran pembelajaran yang inklusif dan saksama.

22. PR-1531-L24090

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan hak dan kebajikan kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) di seluruh negara terjaga.

23. PR-1531-L23292

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah perkembangan kajian potensi mineral strategik yang dilaksanakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia di Sabah menerusi peruntukan RM20 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe- 12) dan bilakah sumber ini dapat dioptimumkan sepenuhnya bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

24. PR-1531-L24299

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status projek Rancangan Tebatan Banijir (RTB) terutamanya di Titi Kampung Tanjung, Titi Iboi dan Titi Kampung Padang Cina di Baling.

25. PR-1531-L22913

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kontrak bernilai RM356.56 juta kepada Edaran IT Services Sdn. Bhd. bagi tujuan khidmat penyewaan, perkakasan dan perisian kerangka utama sistem maklumat Jabatan Kastam Diraja Malaysia berkait dengan pelaksanaan sistem e-invois menjelang Jun 2024 dan apakah perincian khusus yang termaktub di dalam kontrak tersebut.

26. PR-1531-L23971

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Matematik di peringkat sekolah rendah.

27. PR-1531-L23727

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jumlah pelaksanaan hapus kira bagi negeri-negeri yang menerima penstrukturran semula industri perkhidmatan air negeri.

28. PR-1531-L22723

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik tentang masalah penyalahgunaan dadah dan penyalahgunaan daun ketum yang semakin menular di Kelantan.

29. PR-1531-L23646

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) data terkini melibatkan inisiatif penyelenggaraan tandas sekolah dari aspek kemajuan projek dan impak kewangan; dan
- (b) pelan lanjut Kementerian dalam fokus inisiatif memperkasa dan menyelenggara infrastruktur pendidikan.

30. PR-1531-L24357

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang oleh Kerajaan bagi meningkatkan kadar nilai Ringgit Malaysia berbanding Dollar Amerika Syarikat.

31. PR-1531-L22833

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian dalam menangani isu sekolah kurang murid di SJK(T) dan pelan hala tuju.

32. PR-1531-L23819

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat perancangan daripada pihak Kementerian untuk menaik taraf pejabat pendidikan daerah di Kota Marudu sama ada melalui pembinaan bangunan baru atau pembelian aset bangunan memandangkan kapasiti pejabat yang ada sekarang mempunyai ruang terhad dan sempit.

33. PR-1531-L23125

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kewarganegaraan yang telah diluluskan oleh JPN setakat tahun 2023 dan apakah halangan utama yang dihadapi oleh JPN untuk meluluskan permohonan yang masih tertunggak .

34. PR-1531-L23585

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini projek pembangunan semula dan penaiktarafan sekolah-sekolah daif di Parlimen Lubok Antu dan apakah penjelasan Kementerian mengenai status pembinaan SK Ng. Lidong yang merupakan salah sebuah daripada sekolah yang tersenarai di bawah Projek Pembangunan Semula Sekolah Daif Sarawak RM1 bilion (Fasa 3).

35. PR-1531-L(5)00233

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah berstatus Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) menurut rekod Kementerian. Mohon Kementerian menjelaskan mengapa Sekolah Chan Wa 2 di Parlimen Rasah berstatus SMK (SBK) dan bukannya SMJK, dan apakah Kementerian bersedia untuk mempertimbangkan permohonan menukar status SMK (SBK) Chan Wa 2 ke SMJK Chan Wa 2 dan apakah syarat-syaratnya.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

36. PR-1531-L23688

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan dari tahun 2018 hingga 2023, berapa cubic meter padu pembalakan telah berlaku di negeri-negeri Semenanjung dan Wilayah Sabah dan Sarawak. Berapakah hasil cukai yang dikutip oleh negeri masing-masing.

37. PR-1531-L23394

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mewajibkan kesemua institusi pendidikan pra sekolah swasta untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran memandangkan pada hari ini terlalu banyak tadika swasta yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran dan pembelajaran.

38. PR-1531-L22842

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status dan perancangan untuk menubuhkan sebuah Politeknik Konvensional di Betong.

39. PR-1531-L(5)00227

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil Jabatan Imigresen Malaysia bagi menyelesaikan dengan segera masalah kesesakan di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) bagi memberi keselesaan dan kemudahan terhadap rakyat Malaysia yang berulang alik setiap hari.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

40. PR-1531-L23280

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian untuk meningkatkan keupayaan pelajar di Malaysia dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik, ke arah membina tenaga kerja yang berkapasiti tinggi sambil meningkatkan keyakinan pelabur antarabangsa untuk bertapak di Malaysia .

41. PR-1531-L24177

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perancangan untuk membantu mengurangkan beban kewangan Kerajaan Negeri Kedah dalam memelihara hutan dan sungai di kawasan tadahan hujan Ulu Muda sebagai kawasan air untuk keperluan rakyat di negeri-negeri utara.

42. PR-1531-L23604

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperbaiki pelaksanaan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment - EIA*) bagi mengenal pasti dan menilai akibat-akibat alam sekitar yang berpotensi timbul dari projek atau pembangunan yang dicadangkan sebelum dilaksanakan.

43. PR-1531-L23617

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bantuan kewangan dan kemudahan kebajikan lain yang disediakan bagi membantu warga emas, golongan orang kelainan upaya (OKU) dan ibu tunggal yang tinggal di kawasan kampung dan rumah panjang serta statistik jumlah penerima bantuan kewangan tersebut di Parlimen Lubok Antu.

44. PR-1531-L24233

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah guru yang telah dilantik dan ditempatkan oleh KPM dari tahun 2017 sehingga 2023 mengikut tahun; dan
- (b) jumlah kekosongan guru pada 31 Januari 2024 mengikut negeri dan anggaran guru yang akan dilantik mengikut opsyen bagi tahun 2024.

45. PR-1531-L23577

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah inisiatif khusus dalam meningkatkan kecekapan guru dan penyelarasan kurikulum baru dengan keperluan industri dan teknologi semasa (AI).

46. PR-1531-L(5)00230

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah permohonan melalui skim pendaftaran TRIS dan jumlah Malaysia Refugee Card (MyRC) yang telah dikeluarkan setakat ini, berdasarkan negara asal pemohon dan pemegang kad MyRC, serta menyatakan manfaat-manfaat yang dapat dikecapi oleh pemegang kad MyRC tersebut.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

47. PR-1531-L23533

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Labuan termasuk dalam penyerahan tatakelola bekalan elektrik daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia kepada Suruhanjaya Tenaga Sabah.

48. PR-1531-L23717

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika Kerajaan mempunyai perancangan untuk peruntukan khas kepada sekolah-sekolah khususnya peruntukan melibatkan program sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ini kerana ketidaaan dana program sekolah akan melembapkan aktiviti luar bilik darjah murid.

49. PR-1531-L23665

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah bilangan pendatang tanpa izin yang berada dalam negara kita dan apakah pelan holistik Kerajaan untuk memerangi masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin dengan segera.

50. PR-1531-L22951

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh manakah perkembangan pelaksanaan program tebatan banjir dan hakisan pantai terutamanya di kawasan yang sering terjejas akibat bencana banjir. Apakah tahap kesiapsiagaan dari aspek kerja kecemasan terutamanya semasa musim tengkujuh.

51. PR-1531-L23757

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan menaik taraf Balai Polis Selangau ke Ibu Pejabat Polis Daerah Selangau untuk memudahkan urusan penduduk sekitar Selangau yang berkaitan dengan PDRM.

52. PR-1531-L23768

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan status cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menjelaskan tafsiran berkenaan pemberian kerakyatan kepada anak yang lahir di luar negara kepada ibu atau ayah yang merupakan warganegara Malaysia dan status pembentangan cadangan pindaan tersebut kepada Majlis Raja-Raja.

53. PR-1531-L23740

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status keberkesanan langkah-langkah pelan tindakan Kementerian menangani bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan isu perubahan iklim yang kini menjadi masalah global.

54. PR-1531-L23720

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar di sekolah. Apakah Kementerian akan menyerap semula guru-guru yang bersara untuk mengajar Bahasa Inggeris di sekolah sebagai langkah mengatasi guru Bahasa Inggeris.

55. PR-1531-L23807

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan bagaimana Kementerian berhasrat untuk menangani masalah pelajar yang tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Ini kerana, data Jabatan Perangkaan menunjukkan, 72 peratus pelajar sekolah menengah tidak berminat untuk menyambung pengajian tinggi.

56. PR-1531-L23545

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lumar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini isu kekurangan seramai 3000 orang guru di Sarawak dan sejauh manakah usaha Kementerian bagi memastikan bahawa keutamaan dapat diberikan kepada anak tempatan terutama graduan yang menganggur bagi mengisi kekosongan tersebut.

57. PR-1531-L23696

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional, perancangan dan jadual pelaksanaan Kementerian menyelaraskan sistem pendidikan pra-sekolah. Adakah pra-sekolah pelbagai aliran termasuk pra-sekolah swasta, badan kebajikan dan keagamaan juga akan diselaraskan.

58. PR-1531-L23553

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek-projek yang terlibat dengan pelaksanaan RM1.4 Billion peruntukan tambahan bagi membaik pulih sekolah-sekolah daif mengikut negeri-negeri di seluruh negara.

59. PR-1531-L23767

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci setiap pindaan yang akan dikemukakan oleh Kerajaan berkenaan undang-undang kewarganegaraan.

60. PR-1531-L(5)00236

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu yang masih ditahan atas hukuman mati di Malaysia pada akhir bulan Disember 2023 mengikut pecahan tarikh, kesalahan, lokasi, jantina, umur, bangsa, kewarganegaraan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

61. PR-1531-L22782

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bila pelaksanaan pembinaan gantian bangunan yang disahkan daif di SMK Jalan Apas semenjak tahun 2014; dan
- (b) perancangan menyelamatkan bangunan dan pelajar yang terancam daripada hakisan cerun berskala 6 tidak selamat semenjak tahun 2021 dan disahkan pihak PPD Tawau serta JPN Sabah pada tahun 2023 di kawasan SK Holy Trinity.

62. PR-1531-L24260

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada sekolah yang mengambil bahagian dalam *Dual Language Programme* (DLP) tidak diwajibkan menyediakan satu kelas dalam Bahasa Malaysia untuk Sains dan Matematik agar menghormati keputusan ibu bapa yang mahukan anak mereka belajar dua perkara ini dalam Bahasa Inggeris.

63. PR-1531-L23595

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek rintis Kelas Hibrid yang melibatkan sebanyak 110 buah sekolah di seluruh negara menerusi penggunaan komputer riba dan skrin pintar di dalam kelas bagi memperkasa pendidikan digital di Malaysia.

64. PR-1531-L23668

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan angka kemasukan warga asing ke Malaysia berdasarkan kategori pecahan pekerja asing dan pelancong asing bagi tahun 2023 dan apakah usaha Kementerian dalam proses digitalisasi sistem imigresen supaya data kemasukan orang asing lebih tepat dan pantas.

65. PR-1531-L23685

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian terhadap tadika sedia ada yang beroperasi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Kementerian Perpaduan Negara serta tadika kendalian pihak swasta susulan keputusan Kementerian bagi menyelaraskan sistem pendidikan prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

66. PR-1531-L24289

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar tukaran Ringgit kini mencecah USD1.00 = RM4.77 dan SGD1.00 = RM3.54, apakah tindakan dan rancangan Kerajaan untuk menstabilkan kadar tukaran ini supaya tidak menjatuh lagi dan apakah perancangan Kementerian untuk mengurangkan defisit bajet dan hutang negara sambil melonjakkan ekonomi negara.

67. PR-1531-L23744

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penagih dadah di seluruh negara mengikut negeri, kawasan parlimen dan bangsa. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membasmi dadah dan berapakah kos yang dibelanjakan setiap tahun untuk memulih para penagih dadah.

68. PR-1531-L23490

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar warganegara asing di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut pecahan negara dalam kursus sarjana muda antara tahun 2019 hingga 2024.

69. PR-1531-L24265

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan larangan pekerjaan pada visa pasangan asing warga Malaysia agar mereka layak untuk mendapatkan pekerjaan serta menyumbang dalam pemuliharaan ekonomi negara.

70. PR-1531-L22731

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan melihat potensi manfaat dalam pelaksanaan belanjawan penyertaan (*participatory budgeting*), yang bukan sahaja memajukan aspek kesaksamaan jantina tetapi juga merangkumi keperluan penduduk yang pelbagai, seperti orang kurang upaya (OKU) untuk mengurangkan pembaziran dan memastikan dasar-dasar Kerajaan memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat.

71. PR-1531-L23539

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek gantian baharu SMK Sebuyau dan bilakah projek tersebut dijangka dapat disiapkan berikutan keadaan bangunan dan dewan sedia ada yang disahkan tidak lagi selamat untuk digunakan.

72. PR-1531-L23565

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat sebarang kemungkinan peperiksaan UPSR dan PT3 akan dikembalikan semula pada masa akan datang memandangkan kaedah pentaksiran pada ketika ini mendapat pelbagai respon yang negatif dari ibu bapa dan guru.

73. PR-1531-L23629

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana proses penganugerahan sesuatu kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dibuat dan apakah usaha pihak Kementerian bagi mengelakkan berlakunya monopoli berkaitan aspek ini agar agihan yang setara dan adil di dalam proses pemberian tender tersebut kepada pengendali syarikat keselamatan dapat dilaksanakan.

74. PR-1531-L22820

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah terdapat perancangan Kementerian dalam memastikan anak-anak OKU terlantar yang berhadapan kesukaran ke hospital Kerajaan mendapat akses perkhidmatan kesihatan yang secukupnya.

75. PR-1531-L24322

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menoktahkan polemik tuntutan royalti bagi Negeri Kelantan dan Terengganu:-

- (a) halangan utama Kerajaan dalam merealisasikan tuntutan rakyat negeri-negeri tersebut; dan
- (b) berapa jumlah hasil tahunan yang diperoleh Kerajaan Persekutuan dan Petronas hasil daripada aktiviti cari gali di perairan Kelantan, Terengganu serta kawasan Joint Development Area (JDA) dengan Thailand.

76. PR-1531-L24290

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setiap tahun Kerajaan menerima RM50 bilion dari Petronas sebagai dividen khas, bolehkah Kerajaan memberi sebahagian dividen khas tersebut untuk dibahagikan kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak iaitu Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak ataupun Petronas disuruh membayar dividen khas kepada negeri-negeri pengeluar minyak tersebut setiap tahun.

77. PR-1531-L23261

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah dana penyelidikan disalurkan ke universiti awam (2016 - 2023) dan bagaimana Kerajaan mengatasi ketidakseimbangan hasil penyelidikan dengan dana pelaburan sebagaimana Laporan Universitas 21 tahun 2020. Adakah pertimbangan membentuk agensi bebas seperti *UK Research and Innovation* (UKRI) untuk menyelesa penyelidikan dan meningkatkan kecekapan penggunaan dana.

78. PR-1531-L(5)00235

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu yang telah dijatuhkan hukuman mati untuk kali pertama bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 mengikut pecahan tarikh, kesalahan, lokasi, jantina, umur, bangsa dan kewarganegaraan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

79. PR-1531-L23979

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan akta manakah yang dianggap sebagai 'akta zalim' seperti dinyatakan dalam manifesto Kita Boleh Pakatan Harapan PRU15 dan apakah tindakan yang telah diambil bagi memansuhkan akta-akta zalim tersebut seperti yang dijanjikan.

80. PR-1531-L23930

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mengawal selia pasaran karbon sukarela, Bursa Carbon Exchange (BCX) untuk melengkapkan peraturan sedia ada Bursa Malaysia.

81. PR-1531-L23460

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status perkembangan pembinaan dan perpindahan 10 + 6 SJKC yang baru.

82. PR-1531-L22825

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai projek pembinaan sekolah atau bangunan tambahan baharu yang sedang atau akan dilaksanakan di kawasan Klang untuk menampung keperluan murid-murid yang ramai akibat kepadatan penduduk yang semakin meningkat.

83. PR-1531-L23131

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi dalam pengurusan sisa elektronik beserta fokus Kementerian terhadap peluang ekonomi yang mampu dijana dalam industri ini dengan melihat nilai global sisa elektronik berupaya mencecah sekitar 60 bilion USD.

84. PR-1531-L22755

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional penjenamaan semula Syarikat Boustead Naval Shipyard (BNS) kepada Lumut Naval Shipyard Sdn Bhd (LUNAS) dan sejauh manakah penjenamaan semula ini mampu menyuntik imej positif kepada syarikat berkenaan dan juga industri pertahanan negara.

85. PR-1531-L24075

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis panduan dalam proses tapisan kandungan drama dan filem tempatan bagi mengekang unsur-unsur lucu termasuk soft-porn dan yang terkait dengan pegangan agama.

86. PR-1531-L23471

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah penyasaran semula subsidi petrol dan diesel yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Apakah mekanisme yang akan diambil oleh Kerajaan dalam mengawal spekulasi kenaikan kos barang akibat daripada penarikan subsidi petrol dan diesel di pasaran tempatan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 8/2024) Rang Undang-Undang Keselamatan Siber 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Digital]
2. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :
"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,149 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM149 juta bagi Disember 2023 dan RM15,000 juta bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan".
3. (D.R 13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]
4. PR-1531-U(27)308
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.
Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."
[Menteri Kewangan]

5. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

6. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

7. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeritaian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

8. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

9. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara."

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

10. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

12. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

13. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

14. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiar berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

15. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

16. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa kecinciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 10	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi berhubung Isu Berkaitan Undang-Undang Imigran Larangan dan Prosedur Pengendalian Notis Penolakan Masuk (NTL)	27 Mac 2024
DR. 12	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas, Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi berhubung Masalah Banjir di Kawasan Bandar-Bandar Utama	27 Mac 2024
ST. 69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bagi Tahun 2022	27 Mac 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
27.03.2024 (Rabu)	1. YB Tuan Suhaihan bin Kaiat (Pulai)	1. Bantuan Kewangan Rumah Pangsa Lily Jasmin, Tampoi 2. Status Permohonan Peruntukan bagi Program Penyelengaraan Perumahan PPR dalam Parlimen Pulai	1. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
	2. YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh (Besut)	3. Naik Taraf Fasiliti dan Perkhidmatan Hospital Besut 4. Cadangan Membina Jalan Baharu dari Felda Keruak, Besut, Terengganu ke Chuchoh Puteri, Kuala Krai, Kelantan	3. YB Menteri Kesihatan 4. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**